



## Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian pungutan pendapat di kalangan kakitangan awam Negeri Selangor, Malaysia

Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>, Kamaruddin M Said<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Fuad Mat Jali (email: fuad@ukm.my)

### Abstrak

Berbanding dengan institusi swasta, institusi kerajaan mempunyai disiplin kerja, latar belakang perjawatan, gaya hidup dan hirarki yang jelas dan tersendiri. Ciri yang paling ketara ialah kakitangan awam lebih terikat dengan beberapa peraturan yang mempengaruhi pandangan serta pemahaman mereka terhadap perkembangan politik negara. Kertas ini menampilkan hasil kajian mengenai pendapat kakitangan awam di negeri Selangor khususnya terhadap tingkah laku, minat, penglibatan dan keyakinan mereka terhadap pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat (PR). Ia dijalankan di pejabat kerajaan persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan di sekitar negeri Selangor. Seramai 720 responden telah dipilih daripada ketidigtiga pejabat kerajaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 58.8 peratus menyatakan mereka memperoleh sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan New Straits Times. Terdapat 25.6 peratus menyertai parti politik sebagai ahli. 56.9 peratus menyatakan mereka suka memilih muka baru dalam kepemimpinan negeri dan negara dan 52.9 peratus berpuas hati dengan keputusan pilihan raya umum 2008. Namun, 65.6 peratus responden menyatakan mereka tidak gembira dengan pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Mereka yakin dengan kewibawaan kepimpinan kerajaan negeri tetapi tidak yakin dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan negeri Selangor yang sedia ada yang dilihat lebih menguntungkan sesuatu pihak.

**Katakunci:** kerajaan / negeri, kerajaan persekutuan, Malaysia, pihak berkuasa tempatan, pilihanraya umum, sektor awam

## The Pakatan Rakyat (PR) rule of Selangor: An opinion study of public servants in the state of Selangor, Malaysia

### Abstract

Compared with the private sector, the public sector has a more fixed code of conduct, a more hierarchical structure, and more rigidly binding rules, order and values that influence not only the employees' perceptions and understandings of things but also the manner in which they (should) choose to express those very perceptions and understandings. This paper presents findings from a field study of 720 employees of federal and state government and local authorities establishments within the Malaysian state of Selangor. The focus was on their behaviour, interest, involvement and conviction with regard to the rule of the opposition *Pakatan Rakyat* (PR) government. The findings show that 58.8 per cent of the respondents referred to pro-National Front party (which forms the Malaysian federal government) mainstream newspapers, such as the *Berita Harian*, *Utusan Malaysia* and *New Straits Times*, as their main sources of political information. Only 25.6 per cent admitted to being a member of any political party; 56.9 per cent professed preference for new faces at the helms of state and federal administrations; and 52.9 per cent expressed satisfaction over the results of the 2008 general elections. Nevertheless, a high percentage of 65.6 expressed their unhappiness with the current Selangor state administration, stressing the point that it was not the state leaders' capability that they were not confident of. Rather it was the state government's

policies which they could not identify with since they saw these policies as favouring only certain parties or groups of the society.

**Keywords:** federal government, general elections, local authorities, Malaysia, public sector, state government

## Pengenalan

Pilihan raya umum ke-12 pada 8 Mac 2008 menjadi pilihan raya paling bersejarah dalam proses politik di Malaysia. Pilihan raya umum tersebut memaparkan parti pemerintah yang merupakan parti status quo dalam setiap pilihan raya umum negara, Barisan Nasional (BN) tewas di 82 kerusi Parlimen dan 198 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada Pakatan Parti Pembangkang (PAS, DAP dan PKR) yang kemudiannya dikenali sebagai Pakatan Rakyat (PR). Keputusan sedemikian telah menafikan dua pertiga majoriti dalam Parlimen dan BN kehilangan kuasa di empat negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan terus-menerus kecundang di Kelantan kepada PAS. Fenomena tersebut diibaratkan sebagai gelombang besar atau 'tsunami' yang melanda landskap politik negara yang tidak disangkakan. Sehubungan itu kajian ini menyingkap pendapat umum di kalangan kakitangan awam dan hanya akan memfokuskan kepada negeri Selangor sahaja iaitu di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat (PR). Dengan memenangi tampuk pemerintahan negeri, satu pola yang pasti adalah perubahan pada governans atau dasar yang dilaksanakan. Golongan yang paling dekat dan terlibat secara langsung dalam urusan pentadbiran ialah kakitangan awam. Sehubungan itu persoalannya adalah setakat mana penerimaan mereka terhadap pemerintahan kerajaan yang baru, bagaimanakah persepsi mereka terhadap dasar, governans, kepimpinan kerajaan negeri dan prestasi secara keseluruhan. Justeru, kajian ini akan membincangkan persepsi atau pandangan mereka terhadap perkara tersebut serta pola perlakuan politik di kalangan kakitangan awam negeri Selangor.

### *Pengalaman lalu*

Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan, didapati tidak banyak kajian-kajian awal yang lebih mengkhusus kepada topik perbincangan iaitu kakitangan awam. Namun, terdapat banyak kajian yang dijalankan berkenaan dengan pendapat awam tetapi merujuk kepada pengundi sebagai aktor politik secara umum. Hal ini demikian kerana aktor politik yang mengkhusus iaitu kakitangan awam yang dikaji ini kurang mendapat liputan penyelidik secara keseluruhan tetapi lebih memfokus kepada kakitangan awam tertentu seperti pegawai tadbir, tentera dan guru. Namun, terdapat beberapa kajian yang dihasilkan oleh sarjana yang dilihat mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan.

Grenfell (1979) adalah salah seorang pengkaji yang telah menjalankan pungutan pendapat di Malaysia pada awal tahun 1959 mengenai penggunaan media massa. Beliau mendapati pungutan pendapat awam berkembang dengan tertubuhnya indeks media pada tahun 1967. Kajian beliau juga dapat membuktikan bahawa media massa mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap pengundi, terutamanya yang tidak mempunyai tahap pendidikan yang baik, untuk menyokong parti yang berkempen melalui media massa tersebut. Huntington (1979) menjelaskan bahawa mengenai hubungan tentera-awam di Amerika Syarikat, tidak wujud dari fasal-fasal perlembagaan yang diperuntukkan. Pemisahan antara kuasa eksekutif dan perundangan adalah dua badan awam tersebut yang mempunyai kuasa mutlak ke atas institusi tentera.

Adam & Ferber (1980) mengkaji senarai panggilan undi ahli Dewan Pemilihan Texas dan mendapati satu pandangan yang selaras dengan undi di kawasanya. Kajian beliau memperlihatkan pola pengundian di sesuatu kawasan mempunyai kaitan rapat dengan keberkesanan penyampaian atau penjelasan isu oleh parti politik yang bertanding kerana faktor isu terutama isu tempatan, lebih memberi impak yang mendalam kepada pengundi untuk memilih parti mana yang relevan dengan sesuatu isu tersebut.

Kajian oleh Zakaria (1985) menunjukkan bahawa campur tangan tentera dalam politik sekular berlaku di Malaysia kerana kedua-dua institusi kerajaan dan tentera adalah dikuasai oleh orang Melayu. Di samping itu, hubungan kekeluargaan antara pemimpin tertinggi UMNO dengan

pegawai-pegawai tinggi tentera sangat erat. Selain daripada itu, anggota tentera juga tidak dibenarkan bergiat aktif dalam politik. Penyekatan ini terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perlembagaan Angkatan Tentera Malaysia dan berbagai-bagai lagi undang-undang serta peraturan yang telah diluluskan dari semasa ke semasa untuk menyekat aktiviti politik oleh tentera.

Selain itu, Rachel Menequello (1995) yang menjalankan survei ke atas pendapat umum pada awal tahun 1995 mengenai pilihan raya Presiden pada 1994 di Brazil. Analisis ke atas survei tersebut menunjukkan secara jelas kelemahan organisasi parti di mana pengundi menunjukkan ketaatan yang rendah terhadap parti melalui tindakan mengundi di Brazil. Hasil kajian menunjukkan strategi ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan merupakan dimensi penting dalam proses pengundian di mana 70 peratus pengundi di Brazil menunjukkan tingkahlaku pengundian yang positif ke atas kerajaan dan telah membawa kemenangan kepada calonnya Fernando Henroque Cardoso.

Mohd Fuad Mat Jali (1996) dalam kajian pungutan pendapat awam di kawasan Parlimen Tanjung Karang, Selangor semasa pra-pilihan raya 1990 dan pilihan raya umum 1995 mendapati bahawa dapatan dari hasil kajian menepati keputusan pilihan raya umum yang sebenar. Faridah Shaari (1997) berkenaan sikap, kesedaran dan partisipasi politik di kalangan anggota tentera mendapati golongan tersebut mempunyai pandangan yang positif terhadap agenda dan perkembangan politik negara. Faktor sosioekonomi dan persekitaran mempengaruhi partisipasi politik anggota tentera. Kajian yang dijalankan oleh Faridah (1997) berkenaan sikap, kesedaran dan partisipasi politik di kalangan anggota tentera mendapati anggota tentera mempunyai pandangan positif terhadap agenda politik negara. Faktor sosioekonomi dan persekitaran mempengaruhi partisipasi politik anggota tentera.

Kaedah pungutan pendapat awam dijalankan oleh pengkaji dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke atas pungutan pendapat awam Pra-Pilihan Raya Umum 1999 yang dijalankan di Kedah. Dalam kajian berkenaan, mendapati wujud pola pemilihan parti politik di Malaysia yang dipengaruhi oleh faktor etnik dan kawasan. Menurut kajian tersebut lagi, kawasan majoriti Melayu di luar bandar atau di bandar didefinisikan sebagai kawasan yang menyokong UMNO (BN). Hal demikian dapat dilihat melalui tren yang masih wujud di kawasan Kubang Pasu dan Jerlun. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa 78 peratus daripada responden mengenalkan diri mereka sebagai penyokong parti alternatif (PAS). Fahaman politik juga diajukan kepada isteri mereka dan didapati 75 peratus menyatakan menyokong BN. Keadaan ini membuktikan bahawa isteri kebiasaannya mengikut fahaman politik suami. Walau bagaimanapun, jumlah anak mereka yang mengikuti fahaman politik ibu bapa adalah 50 peratus. Selebihnya menyokong parti Barisan Alternatif (BA) (15.5 peratus) dan tidak tahu (34.5 peratus) (Mohd Fuad Mat Jali et al. 2005: 42).

Kajian yang dijalankan oleh Ahamad Jama' Amin (2000) yang telah mengkaji tahap kesedaran dan persepsi politik di kalangan guru-guru pelatih di Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka (MPPM) mendapati bahawa persepsi guru-guru pelatih MPPM menganggap dunai politik penuh dengan sandiwara dan tipu helah. Ini kerana mereka menyifatkan politik boleh diperalatkan dan dipergunakan oleh segelintir aktivis politik demi kepentingan peribadi mereka. Oleh itu, beliau mendapati bahawa pengaruh persekitaran banyak membentuk pola tingkah laku guru-guru pelatih dalam menentukan sikap mereka terhadap politik. Sementara itu, Norlaila (2000) yang mengkaji persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru di Daerah Sik, Kedah mendapati bahawa guru mempunyai persepsi positif terhadap politik dan mempunyai partisipasi politik yang tinggi.

Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzamuddin Sulaiman dan Zaini Othman (2001) dalam kajian pungutan pendapat di negeri Kedah Darul Aman iaitu di bahagian pilihan raya Parlimen Jerlun (P.05) dan Parlimen Kubang Pasu (P. 06), menunjukkan bahawa kajian pungutan pendapat di kalangan penduduk Malaysia, dalam konteks kawasan kajian tersebut boleh dipercayai dan perlu diberi perhatian, terutamanya bagi memahami perasaan, harapan dan pola pengundian dalam menghadapi pilihan raya yang akan datang.

Mohd Hasmin Aswan (2003) dalam dapatan kajiannya menjelaskan bahawa kakitangan awam bagi Kerajaan Negeri dan Persekutuan terlibat dalam politik serta mempunyai minat terhadap politik walaupun secara tidak menonjol atau tidak aktif. Namun begitu, kakitangan awam Kerajaan Negeri didapati mempunyai minat terhadap politik yang lebih tinggi berbanding

kakitangan Kerajaan Persekutuan. Hal ini berdasarkan keberanian serta sikap terbuka dalam menjawab soalan-soalan yang terbuka serta mereka lebih menonjol dalam memberikan pendapat politik mereka.

Mohd Fuadi (2003) dalam kajian persepsi dan partisipasi politik guru Melayu di Daerah Port Dickson mendapati bahawa persepsi dan partisipasi politik guru di kawasan kajian adalah tinggi kerana kesan daripada pengaruh persekitaran seperti tahap pendidikan, senario politik semasa dan isu-isu yang menyentap pemikiran politik mereka. Hal demikian membentuk pola tingkah laku serta persepsi politik mereka banyak mempengaruhi politik tempatan.

Dalam kajian pendapat awam menjelang pra-pilihan raya 2004, telah menarik minat seorang pengkaji menjalankan kajian mengenai tinjauan awal terhadap penglibatan golongan tua di Kampung Serkam, Melaka. Pengkajian Mohamad Lizal Duwasa (2000) telah mencatatkan 45 peratus responden di kawasan kajian berminat dengan politik manakala 55 peratus daripada mereka yang melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung. Pengkaji yang menghadkan skop analisis terhadap responden yang berumur dari 40-50 tahun dan 51-60 tahun ke atas tergolong daripada responden yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam selok-belok pilihan raya umum.

Kebanyakan responden yang disoal-selidik telah mengundi paling kurang tiga kali semasa pilihan raya yang lalu, ini dapat dilihat kira-kira 86 peratus responden tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam memilih parti. Manakala 10 peratus dipengaruhi oleh keluarga. Sementara 4.0 peratus dipengaruhi oleh jiran dan rakan sekampung. Pada Pilihan raya Umum 1999, pengkaji mendapati peratusan yang terlibat dalam kempen pilihan raya itu hanya 41 peratus dan mereka adalah daripada kalangan mempunyai jawatan serta menjadi ahli sesebuah parti. Sementara 59 peratus pula tidak terlibat dalam kempen pilihan raya. Namun begitu, hasil daripada temubual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap responden, didapati responden kadangkala terlibat tidak secara langsung dalam berkempen dengan mengedarkan risalah yang menentang kerajaan. Terutamanya responden yang tidak berpuas hati dengan pentadbiran kerajaan dan isu-isu yang terjadi sebelum pilihan raya umum berlangsung (Mohamad Lizal Duwasa, 2000).

## Data dan profil kawasan

Negeri Selangor mempunyai jumlah penduduk 4.6 juta orang dan salah sebuah negeri yang maju di Malaysia. Sumber pendapatannya bergantung pada aktiviti perindustrian, perkhidmatan dan pertanian. Jumlah pemilih bagi negeri Selangor ialah 1,422,274 orang. Taburan kerusi yang dimenangi oleh parti-parti politik di negeri Selangor dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1. Taburan kerusi yang dimenangi oleh BN dan Pembangkang/Pakatan Rakyat (PR) di Negeri Selangor mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen (P) pada pilihan raya umum 1995, 1999, 2004 dan 2008**

Negeri Selangor	1995		1999		2004		2008	
	DUN	P	DUN	P	DUN	P	DUN	P
<b>BARISAN NASIONAL</b>								
	45 (48)	17 (17)	42 (48)	17 (17)	54 (56)	22 (22)	20 (56)	5 (22)
<b>PEMBANGKANG/PAKATAN RAKYAT</b>								
	3 (D)	0	4 (P) 1 (D) 1 (A)	0	2 (D)	0	8 (P) 13 (D) 15 (PKR)	4 (P) 4 (D) 9 (PKR)

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 1995, 2000, 2004, 2008

Nota 1: Angka dalam kurungan ialah jumlah kerusi yang dipertandingkan.

Nota 2: D=DAP, P=PAS dan A=Adil atau (PKR=Parti Keadilan Rakyat).

Anggaran penduduk negeri Selangor pada tahun 2008 ialah seramai 4,613.9 juta orang, iaitu 2,288,000 orang lelaki dan 2,209,000 orang perempuan. Bilangan penduduk mengikut umur iaitu bagi lingkungan umur 0 hingga 14 tahun ialah 1,381,700 orang, umur 15 hingga 64 tahun ialah 2,987,100 orang dan yang berumur 65 dan ke atas ialah 129,200 orang. Kadar pertumbuhan semula jadi setiap 1000 penduduk ialah 29.3 peratus. Merujuk kepada komposisi kaum, 53.4 peratus terdiri daripada orang Melayu, 28.4 peratus Cina dan 14.2 peratus India serta kaum-kaum lain 4 peratus dan warganegara asing seramai 217,700 orang. Terdapat 87.90 peratus orang penduduk di Selangor tinggal di kawasan bandar manakala 12.1 peratus tinggal di kawasan luar bandar. Pendapatan purata isirumah bulanan (RM) bagi rakyat Selangor ialah 2,518.90.

Kadar penyertaan tenaga buruh di Selangor ialah 67.1 peratus. Kadar pengangguran di Selangor ialah 4.3 peratus. Bagi taburan guna tenaga mengikut sektor pula, 64,432 orang terlibat dengan kegiatan pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; 3,175 orang terlibat dengan perlombongan dan kuari, 426,334 orang terlibat dengan perkilangan; 119,213 orang terlibat dengan sektor pembinaan; 13,690 orang terlibat dengan sektor elektrik, gas dan air; 134,320 orang terlibat dengan sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; 283,638 orang terlibat dengan perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel; 483,343 orang terlibat dengan sektor perkhidmatan kewangan insurans, harta benda dan perniagaan, 252,777 orang terlibat dengan perkhidmatan kerajaan dan 64,697 orang terlibat dengan sektor lain. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Per Kapita bagi negeri Selangor ialah RM 11,399.8 (Unit Perancang Ekonomi Selangor, 2008).

Data primer diperolehi daripada soal selidik seramai 720 sampel/responden yang terdiri daripada kakitangan awam Negeri Selangor. Responden terdiri daripada kakitangan kerajaan peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pecahan mengikut kaum ialah 91 peratus Melayu, 3.3 peratus Cina dan 4.3 peratus India. Responden perempuan 47.9 peratus dan lelaki selebihnya.

#### *Demografi responden*

Melayu (91.0 peratus) merupakan responden yang paling ramai ditemubual diikuti oleh kaum Cina (3.3 peratus), India 4.3 peratus dan Bumiputera Sabah dan Sarawak 1.4 peratus. Dari aspek umur pula majoriti (61.4 peratus) yang ditemubual ialah mereka yang berumur antara 21 hingga 30 tahun dan 16.9 peratus mereka yang berumur 41 tahun ke atas. Responden/kakitangan yang berpendidikan SPM (39.6 peratus) di peringkat Kolej/Institusi 31.4 peratus, sarjana muda 14.3 peratus, STPM (89 peratus) dan 2.1 peratus di tahap sarjana. Dari segi jurusan belajar di kolej atau university pula, 10.8 peratus mengambil jurusan sains sosial/sastera, 1.8 peratus responden jurusan Pengajian Islam, Ekonomi/Pengurusan (14.3 peratus), Undang-undang (1.5 peratus), Pendidikan (2.5 peratus), Sains Teknologi (7.1 peratus), Kejuruteraan (13.3 peratus), Perubatan (1.1 peratus) dan lain-lain 6.0 peratus. Merujuk kepada negeri asal responden yang bekerja di Selangor, 60.0 peratus responden adalah anak jati Selangor.

#### *Keahlian institusi*

Hasil kajian juga mendapati bahawa hanya 12.2 peratus sahaja daripada responden yang menjadi ahli persatuan, antaranya ialah PIBG, Belia 4B, Puspanita, Yayasan Salam Malaysia dan persatuan mempertahankan diri. Hanya 23.2 peratus sahaja menyatakan pernah mengikuti kursus atau program yang dijalankan oleh Biro Tata Negara (BTN). Keahlian dalam parti politik pula 19.7 peratus daripada mereka menjadi ahli UMNO, MCA 0.1 peratus, MIC 1.4 peratus, Gerakan 0.3 peratus, PAS 2.3 peratus dan PKR 1.8 peratus. Sebaliknya majoriti (46.5) daripada kakitangan awam negeri Selangor tidak menjadi ahli mana-mana parti politik dan 27.4 peratus menyatakan mereka tidak berminat menganggotai mana-mana parti politik.

kakitangan awam di Selangor kecewa dengan situasi politik semasa di tempat mereka. Ini kerana pemimpin-pemimpin politik baik pihak kerajaan Selangor mahupun pembangkang terlalu berpolitik/politiking sebaliknya kurang menumpukan perhatian atau tanggungjawab mereka untuk mengurus dan memajukan sumber ekonomi negeri Selangor secara menyeluruh. Mereka juga menganggap tiada perubahan besar dalam politik Kerajaan Negeri sejak tamatnya pilihan raya umum pada Mac 2008 yang lalu, lantas fenomena tersebut menyebabkan mereka tidak suka Pakatan Rakyat (PR) memerintah di negeri Selangor semula.

*Aspek sendiri*

Dari aspek sendiri yang menanyakan persetujuan/penerimaan terhadap politik dan sumber maklumat politik mereka dipaparkan pada Jadual 2 dan 3. Didapati majoriti (76.3 peratus)

**Jadual 2. Tahap persetujuan/penerimaan di kalangan kakitangan awam di Selangor**

Pernyataan	Peratus
Menyatakan mereka berbincang tentang hal politik dengan rakan-rakan	47.2
Tidak suka penampilan pemimpin popular	53.8
Suka memilih muka baru kepimpinan negeri/negara	56.9
Puashati dengan PRU Mac 2008	52.9
Menyatakan mereka suka memberi pandangan untuk kepentingan politik	60.6
Kecewa dengan situasi politik terkini di Selangor	76.3
Jawatan tertinggi parti politik perlu dipertandingkan	68.8
Menyatakan mereka tidak suka PKR memerintah negeri Selangor	65.6
Merasakan dan menganggap tiada perubahan besar politik negeri Selangor	60.6
Berminat dan lebih bersikap ingin tahu hal politik sahaja	52.4

Ditinjau dari aspek dari mana kakitangan Kerajaan Selangor memperolehi maklumat politik, jelas menunjukkan (Jadual 3) bahawa akhbar harian perdana seperti Utusan Malaysia, Berita Harian dan New Straits Times menjadi rujukan utama maklumat politik mereka dan maklumat diberikan dipercayai oleh mereka. Ini kerana sumber maklumat tersebut senang diperolehi di mana-mana dengan harga yang berpatutan dan berpendapat liputan isu politik adalah menyeluruh dan terkini. Di samping itu, televisyen, akhbar Parti Politik dan internet juga menjadi pilihan mereka mendapatkan maklumat politik nasional dan antarabangsa. Tahap kepercayaan terhadap internet dan blog agak tinggi mengatasi pemimpin politik setempat.

**Jadual 3. Sumber maklumat politik responden mengikut keutamaan**

Bil.	Sumber	Peratus	Sumber yang dipercayai	Peratus
1.	Akhbar Harian Perdana	58.8	Akhbar Harian Perdana	57.0
2.	Televisyen	29.9	Televisyen	47.5
3.	Akhbar parti	18.1	Akhbar parti	36.8
4.	Internet	12.7	ahli keluarga	31.1
5.	Pemimpin politik setempat	9.3	Jiran	27.8
6.	Radio	9.2	Internet	26.1
7.	Ahli keluarga	8.3	Laman Blog	22.4
8.	Laman Blog	8.1	Pemimpin politik setempat	20.8
9.	Jiran	7.7	SMS	14.7
10.	Akhbar/majalah luar negara	6.8	Rakan sekerja	14.3
11.	Rakan sekerja	4.5	Radio	8.0
12.	Sistem Pesanan Ringkas (SMS)	3.9	Akhbar/majalah luar Negara	2.7

*Persepsi terhadap pemimpin*

Dalam bahagian ini, responden memberikan persetujuan atau tanggapan mereka terhadap pemimpin kerajaan negeri Selangor yang sedia ada. Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan semua aspek positif terhadap kepimpinan negeri yang sedia ada. Mereka menyatakan semua pemimpin berkelayakan, mempunyai karisma, ketokohan, jujur dan amanah serta mesra rakyat, aspek kepimpinan yang positif, baik dan telus adalah penting dalam sesuatu organisasi agar setiap polisi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik seterusnya mengutamakan kebajikan dan keharmonian masyarakat. Namun, menurut responden masih terdapat aspek sendiri kepimpinan negeri yang perlu dipertingkatkan dan mengharapkan setiap pembuatan keputusan perlu mengambil kira kehendak atau keperluan rakyat atau pengundi dengan baik, adil dan saksama.

*Kriteria pemilihan calon*

Responden yang ditemui juga diminta menyenaraikan kriteria calon yang hendak mereka pilihan dalam sesuatu pilihan raya. Hasil kajian mendapati bahawa 86.4 peratus memilih calon yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi, diikuti dengan calon yang mempunyai latarbelakang agama yang tinggi (76.3 peratus), Seagama (56.5 peratus), persamaan ideologi politik (55.0 peratus), penampilan diri (53.3 peratus) dan sebangsa. Ini bermakna aspek pencapaian akademik yang tinggi disamping berlatar belakangkan agama menjadi pertimbangan utama dalam kriteria pemilihan pemimpin. Tahap pencapaian akademik yang tinggi adalah amat penting kerana aspek perancangan serta pengurusan negeri merupakan perkara yang bukan semudah yang difikirkan, maka idea dan wawasan yang jelas serta mengutamakan rakyat adalah penting bagi memajukan pembangunan fizikal dan juga pembangunan modal insan. Tahap pencapaian akademik yang tinggi perlu disandarkan kepada pertimbangan agama kerana setiap pembuatan keputusan dan pelaksanaan polisi perlu mengikut lunas-lunas agama yang mementingkan etika, moral, keadilan serta mempunyai makna yang baik kepada pembangunan kerohanian individu secara menyeluruh.

**Jadual 4. Persepsi responden terhadap kepimpinan negeri (peratus)**

Perkara	SS	S	TS	STS
Calon berkeelayakan	17.4	53.3	19.7	9.5
Pemimpin yang disegani di peringkat antarabangsa	15.1	43.3	30.3	11.3
Mempunyai karisma atau ketokohan	18.6	51.3	21.7	8.4
Jujur dan amanah	19.5	46.9	24.9	8.7
Mesra Rakyat	18.9	51.0	21.7	8.4
Cekap dan berwibawa	19.7	42.2	29.3	8.8
Prihatin dengan isu yang disuarakan oleh rakyat	19.6	45.1	25.1	10.2
Mementingkan perpaduan kaum dan agama	20.5	42.3	27.6	9.5
Bersih dari rasuah	22.6	40.6	28.6	8.2
Mampu menyelesaikan masalah sensitif	20.0	38.8	30.7	10.5
Pengetahuan agama yang mendalam	19.9	43.6	28.3	8.3
Pentingkan diri sendiri	9.7	34.3	33.9	22.1
Mengamalkan kronisme dan nepotisme	9.8	37.5	33.1	19.6
Barisan pemimpin yang komited & berkredibiliti	17.8	44.4	27.0	10.8

Nota: Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS)

**Dasar kerajaan negeri**

Dalam bahagian ini responden memberikan persetujuan atau tanggapan mereka terhadap dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang sedia ada. Hasil kajian dipaparkan pada Jadual 5 menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor masih belum menunaikan sebahagian janji-janji pilihan raya umum 2008 yang lalu. Namun, tempoh masa 100 hari atau setahun belum membolehkan seseorang menilai keupayaan sesuatu kerajaan yang baru memerintah secara menyeluruh dalam melaksanakan janjinya. Namun begitu, sudah ada keluhan rakyat tentang ketidakupayaan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor untuk melaksanakan perkara asas yang dijanjikan dalam manifesto yang lepas. Sebagai contohnya, Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor hanya memberikan bayaran RM1000 kepada pelajar miskin yang memasuki institusi pengajian tinggi sedangkan janji tersebut seperti yang terdapat dalam manifesto pilihan raya adalah untuk semua rakyat Selangor yang berjaya memasuki IPT. Begitu juga dengan cukai pintu yang masih belum diturunkan. Oleh yang demikian, Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor tidak boleh hanya sekadar berjanji sahaja kerana rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan baru ini untuk membantu meringankan beban mereka. Sekiranya kerajaan baru tersebut gagal melaksanakan janjinya, maka perjuangan Pakatan untuk rakyat itu hanyalah satu lagi janji dan permainan politik yang tentunya mengecewakan rakyat.

Responden juga menyatakan PR bukanlah kerajaan alternatif terbaik dan dasar yang dilaksanakan banyak merugikan kaum Melayu kerana mereka berpendapat dasar yang dijalankan

lebih banyak dipengaruhi oleh DAP. Oleh itu, mereka menyatakan pemerintah Pakatan Rakyat (PR) yang berkongsi kuasa bukanlah satu corak pemerintahan alternatif terbaik bagi BN. Mereka juga berpendapat pelaksanaan dasar juga lambat kerana masalah kewangan.

#### *Tindakan politik 2008*

Dalam bahagian ini, responden telah memberikan persetujuan atau tanggapan mereka terhadap tindakan politik mereka pada pilihan raya umum yang lalu (2008) (Rujuk jadual 6).

**Jadual 5. Pandangan responden terhadap dasar Kerajaan Negeri (PKR) Selangor**

Pernyataan	Peratus
Menyatakan telah dapat menunaikan janji-janji dalam manifesto	40.6
Menyatakan PKR bukan kerajaan alternatif yang terbaik	57.8
Bersetuju dasar yang dibuat banyak merugikan kaum Melayu	59.4
Tidak bersetuju dasar yang dibuat adil kepada semua kaum	55.8
Menyatakan dasar yang dibuat tidak mementingkan aspirasi rakyat	48.5
Bersetuju dasar berkongsi kuasa (PR) bukan alternatif terbaik	56.6
Menyatakan sistem penyampaian perkhidmatan tidak bertambah baik	51.0
Menyatakan dasar pentadbiran bermasalah dan kurang licin	56.4
Menyatakan Kerajaan PKR cermat berbelanja	50.3
Menyatakan dasar yang dijalankan tidak membazir	50.6
Menyatakan dasar yang diamalkan tidak banyak beza daripada BN	58.7
Bersetuju dasar yang dirancang lebih dipengaruhi oleh DAP	60.3
Bersetuju dasar banyak menyentuh sensitiviti kaum dan agama	56.9
Bersetuju pelaksanaan dasar lambat kerana masalah kewangan	66.4

**Jadual 6. Tindakan Politik responden pada pilihan raya umum 2008 (peratus)**

Perkara	Ya	Tidak
Saya turun mengundi	24.1	75.9
Saya mengundi parti pembangkang	25.7	74.3
Saya mengundi parti pemerintah	52.4	47.6
Saya menyesal & membuat pilihan salah mengundi BN	15.5	84.6
Saya menyesal & membuat pilihan salah mengundi PKR	19.7	80.3

Hasil kajian menunjukkan majoriti kakitangan kerajaan di Selangor masih setia pada kerajaan negeri yang lepas dengan mengundi parti BN. Bagi mereka (25.7 peratus) yang mengundi Pembangkang (sekarang Pakatan Rakyat), 19.7 peratus daripada mereka menyatakan kekesalan setelah memilih parti berbilang kaum tersebut kerana ternyata berlaku banyak masalah pembuatan keputusan terutamanya melibatkan hubungan antara kerajaan negeri yang dikuasai Pakatan Rakyat dengan kerajaan persekutuan/pusat yang dikuasai BN yang sama sekali berlainan ideologi antara satu sama lain. Kekesalan tersebut juga berlaku kerana banyak janji pilihan raya umum 2008 oleh pihak Pakatan Rakyat masih belum dilaksanakan. Pada Mac 2008, mereka mengundi PR/Pembangkang kerana:

- ketidakpuasan hati terhadap usaha kerajaan mengatasi ekonomi terutamanya kenaikan harga barangan dan petrol.
- Tidak tegas menangani isu-isu sentitif
- Dasar perjuangan parti yang tidak konsisten
- Isu agama (kuil )
- Calon yang dipilih tidak menepati aspirasi pengundi setempat
- Terpengaruh dengan maklumat daripada internet dan bloger
- perasaan marah terhadap sesetengah pemimpin BN dan mengundi pembangkang sebagai tanda protes.

Responden juga ditanyakan pendapat mereka sama ada pemerintahan Pakatan Rakyat boleh terus kekal pada pilihan raya ke-13. Hasil kajian mendapati bahawa 13.3 peratus menyatakan PR boleh terus kekal memerintah Selangor, 15.8 peratus menyatakan PKR akan kalah, 55.3 peratus



menyatakan tidak pasti kerana terlalu awal untuk menilai kepimpinan PKR dan 15.7 yang berkecuali yang menyatakan mereka tidak kisah parti mana menang situasinya adalah sama. Pengekalan pemerintahan di Selangor hanya akan berlaku sekiranya mereka berjaya melaksanakan janji-janji pilihan raya umum 2008 yang lalu seterusnya memastikan segala isu-isu ekonomi, sosial dan politik yang berlaku di Selangor tersebut dapat diselesaikan dengan baik, segera dan tidak berlarutan.

Prestasi pimpinan kerajaan PR setelah hampir sembilan bulan memerintah juga ditanyakan kepada responden. Hasil kajian mendapati bahawa 14.7 peratus menyatakan tahap prestasi kerajaan negeri Selangor adalah lemah, 41.5 peratus memberikan tahap Sederhana, 47.3 peratus baik, 4.8 peratus sangat baik dan 1.7 peratus pada tahap cemerlang. Responden ditanyakan sama ada mereka mahu atau tidak pemerintahan PKR di Selangor dikekalkan. 30.5 peratus menyatakan mereka tidak mahu PKR terus kekal di Selangor, 15.4 yang menyatakan mereka mahukan PKR kekal dan 54.0 memberi jawapan tidak pasti.

Kebanyakan responden (54 peratus) menyatakan mereka tidak pasti sama ada untuk mengekalkan ataupun menukar kepada kerajaan lama iaitu BN. Ini berlaku kerana mereka ingin memberi masa dan peluang terlebih dahulu kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor bagi melaksanakan janji pilihan raya umum 2008 yang lalu, di samping akan melihat sejauh mana kerajaan baru tersebut menangani isu-isu semasa di Selangor yang berlaku menjelang PRU ke 13.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan kajian pungutan pendapat di kalangan kakitangan awam di negeri Selangor dapatlah disimpulkan bahawa dasar yang dibuat oleh kerajaan PR Selangor banyak merugikan kaum Melayu dan bukan satu alternatif terbaik menggantikan pemerintahan BN. Begitu juga dengan sistem penyampaian tidak bertambah baik dan dasar yang dirancang atau dibuat dipengaruhi oleh DAP. Pelaksanaan dasar kerajaan negeri adalah lambat dan ramai daripada pengundi tidak mahu PR kekal memerintah di Selangor. Persoalannya, sama ada pemerintahan PR akan terus kekal di Selangor amat bergantung kepada pilihan parti pengundi yang menyatakan tidak pasti/di atas pagar dan isu semasa yang berlaku dalam PR atau luar parti menjelang PRU 13 akan datang.

## Rujukan

- Faridah Shaari (1997) Kesedaran, sikap dan partisipasi politik anggota tentera Malaysia: Kajian kes di Kementerian Pertahanan Malaysia. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasmin Aswan Mohamad (2003) Politik dan kakitangan awam: Perbandingan antara kakitangan awam negeri dan kakitangan awam persekutuan: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Lizal Duwasa (2000) Pilihan raya umum 2004: Tinjauan awal terhadap penglibatan golongan tua di Kampung Serkam, Melaka. Kertas Projek. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Nidzamuddin Sulaiman, Zaini Othman (2001) Pra-pilihan raya umum 1999: Analisis pungutan pendapat di negeri Kedah Darul Aman. Seminar Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan ke-4. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Fuad Mat Jali (1995) Persekitaran dan pengundi: Kajian awal kearah pembentukan tingkahlaku pengundi dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995 di kawasan Parlimen Tanjung Karang, Selangor. Seminar 25 tahun Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamad Fuadi Haji Hood (2003) Persepsi dan partisipasi politik guru Melayu: Satu kajian kes di Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Norlaila Bakar (2000) Persepsi dan partisipasi politik di kalangan guru: Kajian kes di Daerah Sik, Kedah. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1995*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1999*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) (2009) *Data asas 2008*. UPENS, Shah Alam.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) (2008) *Profil pembangunan negeri Selangor*. UPENS, Shah Alam.